



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 () 5/11

**LAWATAN RASMI MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA
YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU KE BANGKOK, THAILAND
20-21 NOVEMBER 2018**

Kuala Lumpur - Menteri Pertahanan Malaysia, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu akan mengadakan Lawatan Rasmi ke Thailand pada 20-21 November 2018. Lawatan ini adalah merupakan sebahagian daripada siri lawatan pengenalan beliau ke negara-negara jiran sejak menyandang jawatan sebagai Menteri Pertahanan Malaysia pada 21 Mei 2018. Kehadiran YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu akan turut diiringi oleh pegawai-pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Semasa lawatan tersebut, YB Menteri Pertahanan akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat beliau, Jeneral Prawit Wongsuwon yang juga merupakan Timbalan Perdana Menteri Thailand serta mengadakan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Thailand, TYT Jeneral Prayut Chan-o-cha.

YB Menteri Pertahanan juga dijadualkan untuk mengadakan lawatan ke syarikat industri pertahanan Thailand di samping mengadakan perjumpaan dengan rakyat Malaysia di Thailand.

Lawatan ini akan membuka peluang kepada YB Menteri Pertahanan dan rakan sejawat beliau untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara di peringkat dua hala dan pelbagai hala. Di samping itu, kedua-dua Menteri Pertahanan juga akan turut bertukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan global yang mempunyai kepentingan bersama.

-Tamat-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

**Kementerian Pertahanan Malaysia
20 November 2018**